

06/02/1998

Komitmen wanita Madinah terhadap Islam

Abdurrahman Haqqi

ASMA' binti Yazid al-Ansariah adalah seorang pemimpin wanita berpengaruh di kalangan sahabat. Pada suatu hari, beliau menghadap Rasulullah saw ketika baginda sedang dikelilingi sahabat lelaki. Beliau sebagai wakil daripada sekumpulan wanita Madinah meminta perhatian Nabi berkenaan tuntutan persamaan hak dengan lelaki dari segi pahala walaupun pekerjaan mereka berbeza.

Asma' berkata: "Wahai Rasulullah, saya adalah utusan daripada sebuah perwakilan wanita Islam di mana ucapanku adalah ucapan mereka dan pendapatku adalah pendapat mereka". Kemudian beliau mengemukakan permasalahan secara panjang lebar mengenai pandangan wanita Islam berkenaan persamaan pahala dalam memperjuangkan Islam.

Nabi pun kagum atas retorik Asma' dalam ucapannya itu, kemudian berpaling kepada sahabat lelaki seraya bersabda: "Apakah kalian pernah mendengar pandangan dan pertanyaan wanita mengenai agamanya yang lebih baik daripada ucapan wanita ini?" Sahabat menjawab: "Belum pernah, wahai Rasulullah".

Kemudian Nabi menjelaskan kepada Asma' apa-apa yang perlu mengenai persamaan pahala antara wanita dan lelaki jika wanita melaksanakan ajaran Islam dengan sesuai dan mengikut aturannya. Ini kerana perbuatan dan perjuangan kedua-dua pihak adalah saling mengisi dan menyempurna dalam menegakkan tapak perjuangan demi membangun alam dunia.

Akhirnya, Nabi bersabda: "Wahai Asma', baliklah dan beritahu perkara ini kepada perwakilan wanita yang mengutusmu". Asma' pun berpaling pulang sambil bertahlil dan takbir sebagai tanda kegembiraan atas penjelasan Rasulullah itu (Lihat Ibn al-Atsir, Usud al-Ghabah, Huruf Hamzah 'Asma').

Seorang pemimpin wanita sahabat lainnya, wira wanita dalam perang Uhud dan al-Yamamah, Nusaibah binti Ka'ab juga pernah datang kepada Rasulullah sebagai utusan daripada perwakilan wanita lain. Beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, saya perhatikan al-Quran hanya membicarakan peruntukan untuk lelaki. Manakala wanita tidak pernah disebut?" (HR al-Tirmizi). Kemudian Allah menurunkan ayat 35 surah al-Ahzab yang dengan jelas mengajarkan bahawa tidak akan perbezaan antara lelaki dan wanita dalam memperjuangkan Islam jika mereka memiliki sifat-sifat yang tersenarai di dalamnya. Mereka semua akan menerima ganjaran yang sama.

Sepanjang perjuangan Islam di Madinah dan Makkah, wanita Islam tidak pernah ketinggalan menyumbangkan harta, fikiran bahkan nyawa.

Mereka tidak terbayang pun untuk mengkhianati perjuangan Islam seperti mengemukakan satu misal perbandingan bagi orang kafir iaitu perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth. Al-Quran mengisahkan "Allah mengemukakan satu misal perbandingan bagi orang kafir iaitu perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth. Mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang salih dan hamba-hamba Kami, dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah, dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang yang masuk (ke situ)" (at-Tahrim: 10).

Wanita sahabat hanya tahu untuk patuh melaksanakan ajaran Islam tanpa tanya dan soal demi kejayaan perjuangannya. Shafiyyah binti Syaibah meriwayatkan bahawa pada suatu hari beberapa wanita berkumpul di rumah Aisyah sambil memperkatakan keistimewaan wanita Quraisy. Aisyah kemudian

berkata: "Sememangnya wanita Quraisy mempunyai keistimewaan akan tetapi, demi Allah saya perhatikan wanita Ansar lebih istimewa kerana mereka lebih percaya kepada Kitab Allah dan lebih beriman kepadanya".

Yang demikian itu kerana ketika ayat yang mewajibkan bertudung (QS. al-Ahzab: 31) diturunkan maka lelaki mereka balik ke rumah masing-masing dan memberitahu ayat berkenaan kepada isteri, anak perempuan, saudara perempuan dan kerabat wanita. Mereka kemudian menjadikan pakaian hitam mereka sebagai tudung dan pada keesokan harinya tidak seorangpun daripada mereka terkecuali daripada menutup kepala mereka dengan tudung hitam, umpama di kepala mereka ada burung gagak berduyun-duyun di belakang Rasulullah (HR. Abu Daud & Ibnu Abi Hatim).

Demikianlah komitmen wanita Madinah terhadap perjuangan Islam. Mereka tidak teragak-agak untuk merealisasikan. Nampaknya semangat ini juga akan direalisasikan Wanita Umno sebagai tulang belakang wanita Barisan Nasional - setidak-tidaknya menurut analisis saya daripada penjelasan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menerusi pelancaran Tabung Wanita sebagai menyahut seruan kerajaan kepada semua lapisan masyarakat untuk membantu memulih kegawatan ekonomi. Hampir separuh penduduk Malaysia adalah wanita (43 peratus mengikut statistik terbaru daripada jumlah 21 juta orang) dan sudah tentu mereka memiliki potensi yang tidak kecil.

Kita akui bahawa mereka adalah pemegang amanah ekonomi keluarga kerana mereka adalah pentadbir sebenar perbelanjaan keluarga di mana keluarga adalah asas negara.

Kita akan melihat, insya-Allah, pada hari Ahad nanti wanita berpusu-pusu ke semua kaunter untuk mengisi Tabung Wanita di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melancarkannya sebagaimana wanita Ansar bertudung hitam sejurus mendengar ayat tudung!

(END)